



**BERMINAT...**Najib meninjau kaunter kerjaya ketika melawat Pameran Karnival Kerjaya Kebangsaan di UPM, semalam.

# IPT perlu berubah

Sediakan graduan mudah dapat pekerjaan dalam apa juga sektor

>>Oleh Ahmad Nazri Mohamad

ahmadnazri@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Institusi pengajian tinggi (IPT) perlu melakukan transformasi supaya dapat melahirkan graduan yang mampu melakukan apa juga pekerjaan, bukannya meneruskan konsep lama melahirkan calon untuk sesuatu pekerjaan seumur hidup.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelajar IPT perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran secukupnya supaya mereka mudah mendapat pekerjaan dalam apa juga sektor atau di mana-mana saja.

“Konsep pekerjaan seumur hidup sudah tidak sesuai lagi sekarang, malah Jepun kini menumpukan kepada konsep menghasilkan graduan yang mudah mendapat pekerjaan,” katanya dalam ucapan perasmian Karnival Kerjaya Kebangsaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Beliau berkata, menara gading tidak boleh lagi mengamalkan sikap mempertahankan keistimewaan tersendiri dalam fenomena globalisasi sekarang kerana minda pelajar perlu disediakan untuk menghadapi pelbagai cabaran.

“Sekarang adalah era pertarungan minda. Itu yang akan menentukan (pelajar) berjaya atau tidak berjaya,” katanya.

Beliau berkata, hubungan an-

tara IPT dengan industri perlu dipertingkatkan termasuk bersama-sama merangka kurikulum bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran sesuai dengan kehendak pasaran kerja semasa.

Katanya, kerjasama universiti dan industri juga perlu diperluaskan kepada aspek latihan, penyelidikan dan pembangunan dan kerjaya.

Najib berkata, negara sedang mengalami transformasi ekonomi daripada industri kepada pengetahuan selain transformasi gaya hidup masyarakat.

Beliau memberi contoh dalam aspek perubatan di mana konsep rawatan melalui cara pengubatan berubah kepada pencegahan.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Karnival Kerjaya Kebangsaan pada tahun ini jauh lebih baik berbanding tahun lalu ketika diadakan di Universiti Islam Antarabangsa.

Pada tahun lalu, katanya, seramai 15,000 pelawat berkunjung ke karnival itu sedangkan angka pengunjung pada karnival kali ini sudah mencapai 10,000 orang, kelmarin.

Katanya, karnival empat hari itu bermula kelmarin itu menampilkan 100 syarikat yang menawarkan 7,000 peluang pekerjaan dan diisi dengan aktiviti ceramah, pameran dan seminar kerjaya.